



Kamel Mohamad (tengah) bersama kontinjen SUKIPT 2018 di Bangi, semalam.

SUKIPT 2018

UiTM tekad pertahanan kejuaraan

Bangi: Juara bertahan, Universiti Teknologi Mara (UiTM) tekad mempertahankan gelaran juara keseluruhan sekali gus meraih gelaran hatrik pada temasya Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2018 di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Bagaimanapun di sebalik keghairahan itu, Pegawai Kontinjen UiTM, Nor Ashikin Hassan berkata pihaknya tetap berwaspada dengan kehadiran lebih ramai atlet yang dilihat mampu

memberikan saingan kompetitif dalam kejohanan kali ini.

"Kami cuba mencipta hatrik kali ini kerana semua wakil UiTM sudah melakukan persiapan sejak awal lagi. Dan kali ini kami mensasarkan untuk memenangi sebanyak 58 pingat emas.

Capai sasaran

"Penyertaan universiti antarabangsa luar memang memberi tekanan, namun perancangan rapi daripada Unit Pembangu-

nan Sukan dan Pusat Sukan UiTM, kita sudah sedia mencapai sasaran," katanya selepas perasmian Perkampungan SUKIPT 2018, di sini, semalam.

Perasmian disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Kamel Mohamad. SUKIPT 2018 yang memasuki edisi keempat dijadual bermula hari ini sehingga 10 Februari.

Sementara itu, Kamel menyifatkan penganjuran SUKIPT

2018 adalah satu lagi usaha Kementerian meneruskan kesi-nambungan mencari lebih ramai atlet berbakat di institusi pengajian tinggi seluruh negara sejak 2012.

SUKIPT 2018 mempertandingkan 27 acara sukan dengan perebutan 236 pingat emas membabitkan penyertaan seramai 10,000 atlet, pegawai serta sukarelawan daripada 69 kontinjen IPT tempatan dan sembilan kontinjen IPT antarabangsa. **Oleh Mohd Khairie Khalid**